




**PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
TAHUN 2019**



PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR TAHUN 2019



PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
TAHUN 2019

DITERBITKAN DENGAN PERINTAH



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR

PENYATA KEWANGAN NEGERI SELANGOR 2019

Penyata Kewangan Negeri Selangor disediakan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan diaudit oleh Ketua Audit Negara sebelum dibentangkan di Dewan Negeri Selangor mengikut kehendak Seksyen 16(2) Akta yang sama.

Penyediaan Penyata Kewangan Negeri Selangor adalah untuk menunjukkan kedudukan kewangan, aliran wang tunai dan prestasi kewangan. Penyata ini melaporkan urusan niaga kewangan berkaitan punca dan penggunaan sumber kewangan seperti yang telah diperuntukkan oleh Dewan Negeri Selangor bagi tahun kewangan 2019.

Persembahan Penyata Kewangan Negeri Selangor adalah selaras dengan amalan terbaik bagi memudahkan pemahaman dan analisis oleh pengguna penyata kewangan. Penyata ini mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

PENGHARGAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada warga Perbendaharaan Negeri Selangor sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak di dalam penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2019.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinnya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2019 telah sempurna diaudit oleh Jabatan Audit Negara dengan penganugerahan Sijil Audit Bersih pada 21 September 2020. Kejayaan ini merupakan petunjuk prestasi penting kepada pengurusan kewangan awam yang cekap dan berintegriti Kerajaan Negeri Selangor. Semoga usaha murni dan prestasi ini dikekalkan di tahun-tahun yang akan datang.

Tahun 2019 merupakan tahun yang mencabar berdasarkan ketidakpastian di dalam pasaran ekonomi domestik dan antarabangsa. Boleh dirumuskan bahawa prestasi dan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada Tahun 2019 adalah stabil dan memberangsangkan di mana kutipan hasil pada Tahun 2019 meningkat kepada RM2,320.17 juta berbanding sasaran yang dibelanjawankan sebanyak RM2,200.00 juta. Pencapaian ini merekodkan lebih kutipan hasil sebanyak RM120.17 juta atau 5.46% daripada yang disasarkan. Prestasi perbelanjaan pula merekodkan perbelanjaan sebanyak RM2,538.28 juta atau 94.61% daripada RM2,683.00 juta yang dibelanjawankan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM1,225.77 juta merupakan Perbelanjaan Mengurus manakala RM1,312.51 juta adalah Perbelanjaan Pembangunan. Prestasi kutipan hasil yang memberangsangkan dan perbelanjaan yang berhemah telah berjaya mengurangkan defisit Kerajaan Negeri Selangor kepada hanya RM218.11 juta sahaja berbanding yang dibelanjawankan sebanyak RM483.00 juta, setelah mengambilkira peruntukan tambahan sebanyak RM123.00 juta. Angka defisit ini telah ditampung daripada Akaun Hasil Disatukan menjadikan baki akhir akaun ini pada 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM267.29 juta.

Perbendaharaan Negeri Selangor akan terus komited menguruskan kewangan Kerajaan Negeri secara telus, berhemah dan profesional berlandaskan peraturan kewangan yang berkuatkuasa dan piawaian pelaporan kewangan yang diiktiraf antarabangsa.

Sekian. Terima kasih.

DATO' NOR AZMIE DIRON D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri

SOROTAN 2019



HASIL
16.09%

2019 : RM 2,320.17 JUTA
2018 : RM 1,998.52 JUTA



BELANJA MENGURUS
8.58%

2019 : RM 1,225.77 JUTA
2018 : RM 1,340.79 JUTA



BELANJA PEMBANGUNAN
8.02%

2019 : RM 1,312.51 JUTA
2018 : RM 1,427.00 JUTA



DEFISIT
71.65%

2019 : RM 218.11 JUTA
2018 : RM 769.27 JUTA



PELABURAN
14.24%

2019 : RM 1,962.51 JUTA
2018 : RM 1,717.83 JUTA



AKAUN HASIL DISATUKAN
42.28%

2019 : RM 267.29 JUTA
2018 : RM 463.10 JUTA



AKAUN AMANAH DISATUKAN
12.09%

2019 : RM 1,874.48 JUTA
2018 : RM 1,672.28 JUTA



AKAUN BELUM TERIMA
45.52%

2019 : RM 448.60 JUTA
2018 : RM 823.49 JUTA



MEMORANDUM ASET
6.99%

2019 : RM 1,382.20 JUTA
2018 : RM 1,486.03 JUTA



MEMORANDUM LIABILITI
0.64%

2019 : RM 1,100.40 JUTA
2018 : RM 1,103.36 JUTA



KANDUNGAN

	Muka Surat
PENYATA KEWANGAN NEGERI SELANGOR 2019	iii
PENGHARGAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR	v
SOROTAN 2019	vi
LAPORAN BENDAHARI NEGERI	xi
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	
Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019	xxv
PENYATA KEWANGAN	
Glosari Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2019	3
Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan Bendahari Negeri Selangor	5
Penyata Kedudukan Kewangan	6
Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai	7
Penyata Prestasi Kewangan	8
Penyata Akaun Memorandum	9
Nota kepada Penyata Kewangan	10
LAMPIRAN KEPADA NOTA	
LAMPIRAN	
Lampiran 1 Penyata Perbelanjaan Mengurus	39
Lampiran 2 Penyata Perbelanjaan Pembangunan	59
Lampiran 3 Penyata Perbelanjaan Pembangunan Hutan	71
Lampiran 4 Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut	75
Lampiran 5 Penyata Akaun Memorandum Pelaburan	87
Lampiran 6 Penyata Akaun Memorandum Liabiliti	91

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

LAPORAN BENDAHARI NEGERI

PENDAHULUAN

Laporan ini menjelaskan prestasi dan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 berdasarkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang telah disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] dan Piawaian Perakaunan Kerajaan serta *International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under Cash Basis of Accounting*. Ianya telah dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara Negeri Selangor pada 2 Mac 2020.

Secara ringkasnya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor mengandungi tiga akaun utama mengikut kehendak Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Selain itu ia turut mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan. Nota Kepada Penyata Kewangan merupakan penjelasan lanjut maklumat kewangan yang dilaporkan dalam Penyata Kewangan.

PRESTASI PERBELANJAAN MENGURUS DAN PEMBANGUNAN

Belanjawan Tahun 2019 yang telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada 23 November 2018. Belanjawan ini telah memperuntukkan sebanyak RM1,280.00 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM1,280.00 juta lagi bagi Perbelanjaan Pembangunan. Pada 31 Julai 2019, Dewan Undangan Negeri Selangor telah bersidang dan meluluskan peruntukan tambahan bagi Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM123.00 juta untuk membiayai program-program di bawah Inisiatif Peduli Rakyat (IPR). Ini bermakna jumlah sebenar Peruntukan Pembangunan yang diluluskan adalah sebanyak RM1,403.00 juta. Mengambil kira peruntukan tambahan ini, secara keseluruhannya Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM2,683.00 juta bagi Belanjawan Tahun 2019.


Sehingga 31 Disember 2019, prestasi Perbelanjaan Mengurus dan Pembangunan adalah RM2,538.28 juta, iaitu 94.61% telah dibelanjakan daripada peruntukan keseluruhan berjumlah RM2,683.00 juta. Secara spesifiknya, prestasi Perbelanjaan Mengurus merekodkan perbelanjaan

sebanyak RM1,225.77 juta manakala Perbelanjaan Pembangunan pula merekodkan perbelanjaan sebanyak RM1,312.51 juta.

Perbelanjaan Mengurus terdiri daripada Perbelanjaan Tanggungan dan Bekalan. Prestasi Perbelanjaan Tanggungan merekodkan perbelanjaan berjumlah RM60.82 juta, iaitu 95.33% daripada jumlah peruntukan sebanyak RM63.80 juta. Prestasi Perbelanjaan Bekalan pula merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1,164.95 juta (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan), iaitu 95.79% daripada jumlah peruntukan RM1,216.20 juta. Ini bermakna prestasi Perbelanjaan Mengurus secara keseluruhannya adalah berjumlah RM1,225.77 juta atau 95.76% daripada jumlah peruntukan Mengurus sebanyak RM1,280.00 juta.

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan pula merekodkan jumlah perbelanjaan sebanyak RM1,312.51 juta iaitu 93.55% daripada jumlah peruntukan Pembangunan sebanyak RM1,403.00 juta. Daripada jumlah ini, perbelanjaan yang dibiayai secara langsung adalah berjumlah RM1,303.95 juta, manakala perbelanjaan yang dibiayai secara Pinjaman Persekutuan adalah berjumlah RM8.56 juta. **Carta 1** menunjukkan angka belanjawan dan perbelanjaan sebenar bagi Mengurus dan Pembangunan Negeri Selangor tahun 2019.

**CARTA 1 :
BELANJAWAN DAN PERBELANJAAN
SEBENAR TAHUN 2019**



PRESTASI KEWANGAN

Tahun 2019 merupakan tahun yang mencabar berdasarkan ketidaktentuan dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Cabaran ini telah berjaya diharungi dan boleh dirumuskan bahawa prestasi dan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2019 adalah stabil dan memberangsangkan. Kutipan hasil pada tahun 2019 adalah sebanyak RM2,320.17 juta berbanding sasaran yang dibelanjawankan sebanyak RM2,200.00 juta. Pencapaian ini merekodkan lebih kutipan sebanyak RM120.17 juta atau lebih sebanyak 5.46%. Prestasi kutipan hasil yang memberangsangkan dan perbelanjaan yang berhemah telah berjaya mengurangkan defisit Kerajaan Negeri Selangor kepada RM218.11 juta sahaja berbanding defisit yang dibelanjawankan sebanyak RM483.00 juta (mengambil kira peruntukan tambahan sebanyak RM123.00 juta).

Defisit sebanyak RM218.11 juta ini telah ditampung daripada rezab Akaun Hasil Disatukan.

Carta 2 menunjukkan rekod prestasi kutipan hasil dan prestasi kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun 2015 hingga 2019.




PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

Selaras dengan asas perakaunan tunai yang digunakan oleh Kerajaan Negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi akaun hasil dan akaun amanah tertentu sahaja dilaporkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. **Carta 3** menunjukkan rekod baki

Kumpulan Wang Disatukan bagi tahun 2015 hingga 2019.




WANG AWAM

Wang Tunai

Wang Tunai Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 2019 adalah berjumlah RM179.25 juta yang terdiri daripada Wang Tunai Dalam Tangan berjumlah RM3.67 juta, Wang Tunai Dalam Perjalanan berjumlah RM0.19 juta dan Wang Tunai Dalam Bank (Akaun Semasa dan Deposit Dalam Negeri) berjumlah RM175.39 juta. **Carta 4** menunjukkan kedudukan Wang Tunai pada tahun 2019.

**CARTA 4:
WANG TUNAI (RM JUTA)**




Pelaburan

Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2019 adalah berjumlah RM1,962.51 juta berbanding RM1,717.83 juta pada tahun 2018. Deposit Dalam Negeri berbentuk simpanan tetap melebihi tempoh tiga bulan merupakan komponen terbesar di dalam Pelaburan. Maklumat terperinci mengenai pelaburan ini boleh dirujuk kepada Nota 4 dalam Penyata Kewangan.

Selain daripada simpanan tetap, Kerajaan Negeri juga membuat pelaburan dalam bentuk saham melalui Tabung Warisan Negeri Selangor, Tabung Amanah Bencana Alam dan Tabung Warisan Anak Selangor. **Carta 5** menunjukkan rekod pelaburan Kerajaan Negeri dari tahun 2015 hingga 2019.

**CARTA 5:
KEDUDUKAN PELABURAN NEGERI SELANGOR
TAHUN 2015 HINGGA 2019**




KUMPULAN WANG DISATUKAN

AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri Selangor terus menunjukkan trend penurunan. Sehingga 31 Disember 2019, baki akhir akaun ini adalah RM267.29 juta yang merupakan angka terendah dalam tempoh 5 tahun. **Carta 6** menunjukkan kedudukan Akaun Hasil Disatukan Kerajaan Negeri dari tahun 2015 hingga 2019.

CARTA 6 :
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN KERAJAAN NEGERI
SELANGOR TAHUN 2015 HINGGA 2019




Prestasi Kutipan Hasil

Hasil Kerajaan Negeri terdiri daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Prestasi keseluruhan kutipan hasil ini pada tahun 2019 adalah sebanyak RM2,320.17 juta berbanding kutipan hasil tahun 2018 berjumlah RM1,998.52 juta. Pencapaian ini menunjukkan peningkatan sebanyak 16.09% atau RM321.65 juta.

Secara spesifiknya, kutipan Hasil Cukai pada tahun 2019 adalah berjumlah RM700.71 juta berbanding anggaran berjumlah RM699.44 juta. Kutipan Hasil Bukan Cukai pula adalah sebanyak RM1,338.44 juta berbanding anggaran sebanyak RM1,279.52 juta. Pencapaian ini menunjukkan prestasi kutipan hasil bukan cukai melebihi 4.60% atau RM58.92 juta daripada jumlah yang disasarkan. Bagi Terimaan Bukan Hasil seperti Pulang Balik Perbelanjaan dan


Terimaan Daripada Lain-Lain Agensi Kerajaan, jumlah keseluruhan terimaan yang diperolehi adalah RM281.02 juta daripada RM221.04 juta yang dianggarkan. **Carta 7** menunjukkan pecahan jenis hasil pada tahun 2019.



CARTA 7:
PECAHAN KUTIPAN HASIL NEGERI SELANGOR
TAHUN 2019



Carta 8 dan **Carta 9** menunjukkan rekod prestasi kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2015 hingga 2019.

CARTA 8 :
PRESTASI KUTIPAN HASIL KERAJAAN NEGERI BAGI TAHUN
2015 HINGGA 2019 (RM JUTA)






Pecahan Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri terdiri daripada perbelanjaan untuk Emolumen, perbelanjaan untuk Perkhidmatan dan Bekalan, perbelanjaan untuk pembelian Aset, Pemberian Dan Kenaan Tetap dan Perbelanjaan Lain. Perbelanjaan untuk Perkhidmatan Dan Bekalan mencatatkan jumlah tertinggi sebanyak RM498.45 juta. Perbelanjaan kedua tertinggi ialah Emolumen sebanyak RM456.75 juta, diikuti Pemberian dan Kenaan Tetap sebanyak RM191.74 juta. Perbelanjaan-perbelanjaan Lain dan perbelanjaan untuk Aset masing-masing sebanyak RM66.95 juta dan RM11.88 juta. **Carta 10** menunjukkan pecahan perbelanjaan mengurus pada tahun 2019.

Carta 11 pula menunjukkan rekod prestasi perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri bagi tahun 2015 hingga 2019.




AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan memperakaunkan semua pinjaman yang diterima oleh Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan dan pembayaran yang berkaitan. Akaun Pinjaman Disatukan pada 31 Disember 2019 adalah berbaki sifar.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Pada tahun 2019, Akaun Amanah Disatukan telah menunjukkan baki sebanyak RM1,874.48 juta berbanding RM1,672.28 juta pada tahun 2018.

Carta 12 menunjukkan perbandingan rekod baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Deposit bagi tahun 2018 dan 2019.



Kumpulan Wang Amanah Kerajaan


Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61]. Ia boleh dikategorikan seperti berikut:

- Kumpulan Wang Pembangunan;
- Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan;
- Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan; dan
- Kumpulan Wang Pembangunan Hutan.

Kumpulan Wang Pembangunan

Pembangunan Negeri Selangor dibiayai melalui Akaun Hasil Disatukan, Pinjaman Persekutuan dan Terimaan daripada Persekutuan dalam bentuk Pemberian Tahap Pembangunan Ekonomi dan Kesejahteraan Hidup yang berjumlah RM 1,315.86 juta. Baki akhir Kumpulan Wang Pembangunan pada 31 Disember 2019 adalah sebanyak RM50 juta. Perbelanjaan Pembangunan melibatkan perbelanjaan langsung dan pinjaman telah merekodkan penurunan kepada RM1,307.30 juta dalam tahun 2019 berbanding RM1,421.90 dalam tahun 2018. **Carta 13** menunjukkan rekod perbelanjaan Pembangunan Negeri Selangor bagi tahun 2015 hingga 2019.

CARTA 13:
PENERIMAAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN NEGERI SELANGOR
TAHUN 2015 HINGGA 2019



Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan

Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan ditubuhkan berdasarkan peruntukan Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan semua terimaan dan bayaran berkaitan dengan kemudahan pinjaman perumahan kepada kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri dan Ahli Pentadbiran Kerajaan Negeri. Pada 31 Disember 2019, baki Kumpulan Wang Pinjaman ini adalah berjumlah RM6.31 juta berbanding RM18.42 juta pada 31 Disember 2018. Penurunan baki kumpulan wang ini adalah disebabkan oleh permohonan dan kelulusan pinjaman perumahan yang meningkat pada tahun 2019.

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan adalah terdiri daripada Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan (Akaun Stor dan Kerja Tak Beruntuk dan *Workshop*; dan Akaun

Workshop Jabatan Kerja Raya), Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Akaun Pelbagai Kumpulan Wang. Kumpulan Wang ini merekodkan baki sebanyak RM1,031.14 juta dalam tahun 2019 berbanding RM821.42 juta dalam tahun 2018.

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

Kumpulan Wang Pembangunan Hutan merupakan Kumpulan Wang yang ditubuhkan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984. Kumpulan Wang ini telah mencatatkan peningkatan sebanyak RM3.68 juta kepada RM27.15 juta dalam tahun 2019 berbanding RM23.47 juta dalam tahun 2018. Perbelanjaan Pembangunan Hutan dibiayai secara langsung menggunakan sumber daripada Akaun Hasil Disatukan.

Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan Wang Amanah Awam ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mengakaunkan terimaan dan bayaran wang amanah Kerajaan Negeri. Kumpulan Wang Amanah Awam merekodkan baki sebanyak RM376.26 juta pada tahun 2019 berbanding RM423.29 juta pada tahun 2018.

Deposit

Deposit terdiri daripada Deposit Am dan Deposit Pelarasan. Deposit Am adalah wang yang diterima khusus bagi sesuatu maksud di bawah undang-undang atau perjanjian dan perlu dibayar balik apabila maksud telah dicapai. Deposit Pelarasan pula adalah akaun sementara untuk tujuan pelarasan kepada akaun tertentu. Pada tahun 2019, Akaun Deposit merekodkan baki akhir berjumlah RM383.61 juta berbanding RM344.24 juta pada tahun 2018.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Pada tahun berakhir 31 Disember 2019, Kerajaan Negeri telah merekodkan baki wang tunai sebanyak RM179.25 juta. Angka ini, mewakili wang tunai di tangan, wang tunai di bank dan wang tunai dalam perjalanan. Aliran tunai Kerajaan Negeri pada tahun 2019 merekodkan urusan terimaan tunai sebanyak RM18,232.96 juta manakala urusan bayaran tunai sebanyak RM18,471.25 juta.

Secara spesifiknya, urusan terimaan tunai melibatkan terimaan hasil sebanyak RM2,320.17 juta, Terimaan Pinjaman Persekutuan sebanyak RM12.43 juta, pelbagai terimaan modal sebanyak RM22.11 juta dan terimaan amanah sebanyak RM15,878.25 juta.

Urusniaga bayaran tunai pula melibatkan bayaran Perbelanjaan Mengurus sebanyak RM1,219.14 juta, bayaran Perbelanjaan Pembangunan sebanyak RM1,312.51 juta, perbelanjaan modal sebanyak RM244.68 juta, bayaran Pinjaman Persekutuan (Amanah Saham Selangor dan Projek Perluasan Zon Industri Bebas Sg. Way, Petaling Jaya) sebanyak RM6.63 juta dan bayaran amanah sebanyak RM15,688.29 juta.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM ASET


Pinjaman Boleh Dituntut

Kerajaan Negeri turut memperuntukkan sejumlah amaun kepada anak syarikat/agensi Kerajaan Negeri, Badan Berkanun Negeri serta Pihak Berkuasa Tempatan untuk mendapatkan pinjaman bagi membiayai aktiviti dan projek yang dilaksanakan. Baki Pinjaman Boleh Dituntut bagi pinjaman-pinjaman yang telah dikeluarkan sehingga 31 Disember 2019 adalah berjumlah RM1,191.10 juta berbanding RM1,294.93 juta pada 31 Disember 2018 iaitu pengurangan sebanyak 8.02%. Angka ini dilaporkan di dalam Penyata Kewangan di Memorandum Aset berkaitan Pinjaman Boleh Dituntut.

Pelaburan

Pelaburan Kerajaan Negeri dalam anak-anak syarikat yang menggunakan peruntukan Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan merekodkan jumlah nilai buku

pelaburan sebanyak RM191.10 juta. Angka ini dilaporkan dalam Penyata Kewangan di Memorandum Aset berkaitan Pelaburan. **Carta 14** menunjukkan kedudukan Akaun Memorandum Aset berkaitan Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan bagi tahun 2015 hingga 2019.




PENYATA AKAUN MEMORANDUM LIABILITI

Hutang Awam

Penyata ini melaporkan liabiliti Kerajaan Negeri yang berbentuk Hutang Awam. Bagi Hutang Awam ini, Kerajaan Negeri telah membayar balik pinjaman pokok berjumlah RM138.42 juta daripada jumlah keseluruhan pinjaman pokok sebanyak RM1,248.83 juta yang terdiri daripada pinjaman projek bekalan

Air, Amanah Saham Selangor dan Projek Perluasan Zon Perindustrian Bebas Sungai Way, Petaling Jaya. Pinjaman bagi membiayai Projek Bekalan Air merupakan penyumbang besar kepada Hutang Awam Kerajaan Negeri. Sehingga 31 Disember 2019, masih terdapat baki pinjaman pokok berjumlah RM1,110.40 juta. Daripada jumlah ini, RM1,084.76 juta merupakan pinjaman bagi membiayai Projek Bekalan Air yang telah melalui pelaksanaan Skim Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Kesemua pinjaman Kerajaan Negeri daripada Kerajaan Persekutuan bagi maksud Projek Bekalan dan Pengurusan Air akan diambilalih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB). Ini adalah selaras dengan perkara yang termaktub melalui Perjanjian Utama bertarikh 13 September 2019 yang dimeterai bersama oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Selangor, PAAB dan Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. **Carta 15** menunjukkan pecahan hutang awam Kerajaan Negeri pada tahun 2019.




PENUTUP

Secara keseluruhannya, Prestasi dan Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri adalah stabil pada tahun 2019 apabila berjaya mengurangkan defisit Kerajaan Negeri Selangor kepada RM218.11 juta berbanding defisit dibelanjawankan sebanyak RM483.00 juta ekoran daripada kutipan hasil yang memberansangkan dan amalan perbelanjaan berhemah. Baki Akaun Hasil Disatukan Negeri adalah sebanyak RM267.29 juta dijangka mampu untuk menampung belanjawan defisit sebanyak RM133 juta pada tahun 2020.

Adalah menjadi matlamat Perbendaharaan Negeri Selangor untuk meningkatkan kecemerlangan dalam pengurusan dan pelaporan maklumat kewangan yang tepat, sah dan relevan bagi pembuatan keputusan yang berkesan oleh pemegang-pemegang taruh Kerajaan Negeri Selangor.

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI SELANGOR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 6 hingga 36.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Selangor pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financing Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Selangor dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Selangor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financing Reporting under the Cash Basis of Accounting)*. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Selangor untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas

kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Selangor.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Pegawai Kewangan Negeri dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Kerajaan Negeri Selangor sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor memberi gambaran yang saksama.

Hal-hal Lain

Sijil ini disediakan selaras dengan Perkara 106(1) Perlembagaan Persekutuan 1957 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
21 SEPTEMBER 2020



PENYATA KEWANGAN

GLOSARI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR 2019

**PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
SELANGOR DAN BENDAHARI NEGERI SELANGOR**

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

WANG AWAM

Wang Tunai

Pelaburan

KUMPULAN WANG DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan

Akaun Pinjaman Disatukan

Akaun Amanah Disatukan

**PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN
WANG TUNAI**

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Memorandum Aset

Pinjaman Boleh Dituntut

Pelaburan

Memorandum Liabiliti

Hutang Awam

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR DAN BENDAHARI NEGERI SELANGOR

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2019 dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard – Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting*; dan
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua Jabatan Kerajaan Negeri Selangor.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota Kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2019.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor 2019.



DATO' NOR AZMIE DIRON D.P.M.S
Pegawai Kewangan Negeri
2 Mac 2020



DR. SHAHRIL BIN BAHARIM CA(M), FGMA, CGMA
Bendahari Negeri
2 Mac 2020

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	179,253,796.92	417,541,187.89
PELABURAN	4	1,962,513,419.07	1,717,834,293.51
		2,141,767,215.99	2,135,375,481.40
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	267,289,992.36	463,091,456.50
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	1,874,477,223.63	1,672,284,024.90
		2,141,767,215.99	2,135,375,481.40

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

		2019	2018
	Nota	RM	RM
TERIMAAN			
Hasil	5		
Hasil Cukai		700,708,422.65	654,540,858.44
Hasil Bukan Cukai		1,338,441,463.86	1,061,514,501.70
Terimaan Bukan Hasil		<u>281,018,649.00</u>	<u>282,461,676.09</u>
		2,320,168,535.51	1,998,517,036.23
Pinjaman			
Dalam Negeri	6	12,435,853.00	17,676,943.00
Luar Negeri		<u>0.00</u>	<u>0.00</u>
		12,435,853.00	17,676,943.00
Terimaan Modal			
Pelbagai Terimaan Modal	7	22,111,398.03	19,891,958.50
Jualan Instrumen Kewangan	4	<u>0.00</u>	<u>395,883,207.88</u>
		22,111,398.03	415,775,166.38
Terimaan Lain			
Terimaan Amanah	7	<u>15,878,245,670.42</u>	<u>28,259,134.63</u>
		15,878,245,670.42	28,259,134.63
Jumlah Terimaan		<u>18,232,961,456.96</u>	<u>2,460,228,280.24</u>
BAYARAN			
Perbelanjaan Mengurus	5		
Emolumen		456,750,859.85	448,483,157.18
Perkhidmatan dan Bekalan		498,449,688.08	483,617,358.21
Aset		11,879,623.42	14,485,989.76
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		185,105,336.70	342,444,432.47
Perbelanjaan Lain		<u>66,950,231.14</u>	<u>39,806,551.83</u>
		1,219,135,739.19	1,328,837,489.45
Perbelanjaan Pembangunan	7		
Langsung		1,303,948,802.53	1,407,127,157.27
Pinjaman		<u>8,559,064.01</u>	<u>19,872,961.37</u>
		1,312,507,866.54	1,427,000,118.64
Perbelanjaan Modal			
Pembelian Instrumen Kewangan	4	<u>244,679,125.56</u>	<u>0.00</u>
		244,679,125.56	0.00
Pinjaman			
Dalam Negeri	9	6,637,082.19	11,951,181.79
Luar Negeri		<u>0.00</u>	<u>0.00</u>
		6,637,082.19	11,951,181.79
Bayaran Lain			
Bayaran Amanah		<u>15,688,289,034.45</u>	<u>0.00</u>
		15,688,289,034.45	0.00
Jumlah Bayaran		<u>18,471,248,847.93</u>	<u>2,767,788,789.88</u>
Tambahan / (Kurangan) Wang Tunai		(238,287,390.97)	(307,560,509.64)
Wang Tunai Pada 1 Januari		417,541,187.89	725,101,697.53
WANG TUNAI PADA 31 DISEMBER		<u>179,253,796.92</u>	<u>417,541,187.89</u>

Nota – nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

bagi tahun berakhir 31 Disember 2019

		2019	2018
	Nota	Anggaran RM	Sebenar RM
HASIL	5	2,200,000,000.00	1,998,517,036.23
Tolak:			
Belanja Mengurus	5	1,280,000,000.00	1,340,788,671.24
LEBIHAN HASIL		920,000,000.00	657,728,364.99
Tolak:			
Belanja Pembangunan*	7	1,403,000,000.00	1,427,000,118.64
LEBIHAN/ (KURANGAN) KESELURUHAN *		(483,000,000.00)	(769,271,753.65)
DIBIYAI OLEH:			
Pinjaman dan Bantuan Luar Negeri		12,435,853.00	17,676,943.00
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan		22,111,398.03	19,891,958.50
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah		183,564,901.38	731,702,852.15
JUMLAH PEMBIAYAAN		218,112,152.41	769,271,753.65

Nota (*) – Termasuk peruntukan RM123,000,000.00 yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor pada 31 Julai 2019 dan kemudiannya diwartakan (PEWARTAAN ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (NO.1) 2019 – ENAKMEN A60) bertarikh 11 September 2019. Amaun asal anggaran belanja pembangunan adalah RM1,280,000,000.00. Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM pada 31 Disember 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		1,191,096,903.67	1,294,927,616.86
Pelaburan		191,103,697.00	191,103,697.00
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam		1,110,404,285.30	1,103,363,775.45

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang–undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Negeri Selangor, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusniaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperoleh dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

- iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan dan seumpamanya.
- d) Entiti Perakaunan Kerajaan Negeri Selangor adalah termasuk semua Jabatan Kerajaan Negeri tetapi tidak termasuk Badan-Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan dan Syarikat Milik Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Matawang yang digunakan dalam Penyata Kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusniaga yang melibatkan matawang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disedia mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan simpanan tetap bagi tempoh yang tidak melebihi tiga (3) bulan.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit dan Panjar Khas Skim Mesra Usia Emas.

Wang Tunai pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019 RM	2018 RM
Wang Tunai Dalam Bank	175,395,528.71	413,162,325.50
Wang Tunai Dalam Perjalanan	196,818.21	720,212.39
Wang Tunai Dalam Tangan	3,661,450.00	3,658,650.00
JUMLAH WANG TUNAI	179,253,796.92	417,541,187.89

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am serta dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Kumpulan Wang Amanah ialah pelaburan yang dibuat daripada Kumpulan Wang Amanah selaras dengan arahan amanah Seksyen 9 dan suratcara amanah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] serta peraturan yang berkuatkuasa. Pelaburan Am adalah semua pelaburan yang dibuat daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan selain daripada pelaburan Kumpulan Wang Amanah.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

Pelaburan pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

	2019 Nilai Buku		2018 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
Perihal	RM	RM	RM	RM
Pelaburan Tabung Warisan Negeri Selangor	651,166,442.04	-	607,664,745.99	-
Pelaburan Tabung Amanah Bencana Alam	72,625,755.13	-	62,420,102.51	-
Pelaburan Tabung Amanah Warisan Anak Selangor	66,314,719.90	-	39,342,943.01	-
Jaminan Bank Pertanian Malaysia	-	10,000,000.00	-	10,000,000.00
Saham*	-	262,406,502.00	-	262,406,502.00
Deposit Dalam Negeri	-	900,000,000.00	-	736,000,000.00
Jumlah	790,106,917.07	1,172,406,502.00	709,427,791.51	1,008,406,502.00
JUMLAH PELABURAN	1,962,513,419.07		1,717,834,293.51	

Nota (*)- Pelaburan saham hendaklah dibaca bersekali dengan Penyata Memorandum Pelaburan (F2)

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengakaun semua urusan niaga terimaan hasil dan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019			2018	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		463,091,456.50		1,082,363,210.15	
HASIL					
Hasil Cukai	699,441,829.00	700,708,422.65	100.18	654,540,858.44	101.83
Hasil Bukan Cukai	1,279,518,352.00	1,338,441,463.86	104.61	1,061,514,501.70	76.17
Terimaan Bukan Hasil	221,039,819.00	281,018,649.00	127.13	282,461,676.09	132.22
Jumlah Hasil	2,200,000,000.00	2,320,168,535.51	105.46	1,998,517,036.23	88.82
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	472,043,642.25	456,750,859.85	96.76	448,483,157.18	95.70
Perkhidmatan Dan Bekalan	516,127,438.25	498,449,688.08	96.57	483,617,358.21	90.13
Aset	12,124,226.13	11,879,623.42	97.98	14,485,989.76	89.97
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap *	201,657,484.54	191,742,418.89	95.08	354,395,614.26	97.41
Perbelanjaan Lain	78,047,208.83	66,950,231.14	85.78	39,806,551.83	53.15
Perbelanjaan Mengurus (Sebelum Pindahan)	1,280,000,000.00	1,225,772,821.38	95.76	1,340,788,671.24	91.83
Pindahan Ke Kumpulan Wang Pembangunan/ Hutan	1,379,000,000.00	1,290,197,178.27	93.56	1,277,000,118.64	79.52
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (Selepas Pindahan)	2,659,000,000.00	2,515,969,999.65	94.62	2,617,788,789.88	85.39
Lebihan/ (Kurangan) bagi Tahun	(459,000,000.00)	(195,801,464.14)		(619,271,753.65)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		267,289,992.36		463,091,456.50	

Nota (*) – Tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan/Hutan

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang.

Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

Perihal	2019				2018	
	Anggaran Asal	Anggaran Disemak	Sebenar		Sebenar	
	RM	RM	RM	% Anggaran	RM	% Anggaran
HASIL CUKAI						
Cukai Tanah	576,316,429.00	576,316,429.00	563,945,113.19	97.85	519,962,968.76	99.13
Cukai Parit & Taliair	26,221,400.00	26,221,400.00	26,517,814.20	101.13	24,507,811.43	115.11
Cukai Eksport Hasil Hutan	40,004,000.00	40,004,000.00	45,059,533.98	112.64	47,681,608.31	119.19
Cukai Hiburan	56,900,000.00	56,900,000.00	65,185,961.28	114.56	62,388,469.94	109.54
Jumlah Hasil Cukai	699,441,829.00	699,441,829.00	700,708,422.65	100.18	654,540,858.44	101.83
HASIL BUKAN CUKAI						
Bayaran Pendaftaran, Lesen & Permit	80,303,082.00	80,303,082.00	109,070,345.02	135.82	102,434,441.22	141.70
Perkhidmatan & Bayaran	95,396,140.00	95,396,140.00	120,392,407.09	126.20	111,368,464.74	109.90
Perolehan Dari Jualan Barang-barang	978,486,860.00	978,486,860.00	1,025,539,247.44	104.81	635,618,247.69	58.18
Sewaan	4,891,150.00	4,891,150.00	5,759,994.47	117.76	4,893,335.56	205.82
Keuntungan						
Pembiayaan & Perolehan	87,677,500.00	87,677,500.00	53,848,421.88	61.42	96,678,699.12	100.87
Denda & Hukuman	30,763,620.00	30,763,620.00	23,831,047.96	77.47	108,484,002.29	467.56
Sumbangan & Bayaran Ganti	2,000,000.00	2,000,000.00	0.00	0.00	2,037,311.08	33.96
Jumlah Hasil Bukan Cukai	1,279,518,352.00	1,279,518,352.00	1,338,441,463.86	104.61	1,061,514,501.70	76.17
TERIMAAN BUKAN HASIL						
Pulang Balik Perbelanjaan	12,234,181.00	12,234,181.00	43,836,786.70	358.31	70,007,186.09	545.65
